

D.R. 33/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1993 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Saraan Hakim 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda, dalam seksyen 5— Pindaan seksyen 5. Akta 45.
 - (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
 - (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - "(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang Hakim—
 - (a) telah, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 8c, melepaskan jawatannya untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara; dan

- (b) selepas menamatkan tempoh perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu dilantik semula serta-merta untuk memegang jawatan Hakim,

tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim sebelum, dan tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu selepas, dia melepaskan jawatannya sebagai Hakim hendaklah dihitung sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim."

Pindaan seksyen 8B.

3. Seksyen SB Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1)—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "Hakim Mahkamah Agung" yang mula-mula terdapat dalam subseksyen itu perkataan "atau Mahkamah Tinggi"; dan
- (b) dengan memotong perkataan "Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi".

Seksyen baru 8c

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8B seksyen yang berikut:

"Pelepasan jawatan demi kepentingan negara 8c. Seseorang Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi yang belum mencapai umur enam puluh tahun boleh dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong supaya melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara."

Pindaan seksyen 12.

5. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3o) subseksyen yang berikut:

"(3E) Proviso kepada subseksyen (3) tidaklah terpakai bagi seseorang Hakim yang telah, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 8c, melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam suatu

jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara, dan masih berkhidmat dalam jawatan itu apabila dia mencapai umur lima puluh tahun."

6. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Jadual Pertama dan Kedua" dengan perkataan "Jadual Pertama, Kedua dan Kelima." Pindaan seksyen 19.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut: Seksyen baru 19A.

“Saraan 19A. Seseorang yang dilantik menjadi Pesuruh-
jaya Keha-
kiman. Pesuruhjaya Kehakiman di bawah Perkara 122A Perlembagaan Persekutuan adalah berhak menerima apa-apa saraan yang diperuntukkan dalam Jadual Kelima.”

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat Jadual yang berikut: Jadual Kelima baru.

"JADUAL KELIMA
(Seksyen 19A)

1. GAJI:
RM8,100 sebulan
2. ELAUN KERAJIAN:
RM2,500 sebulan
3. ELAUN KEHAKIMAN KHAS:
RM2,400 sebulan
4. TEMPAT TINGGAL:
Rumah khas percuma berperabot lengkap sebagaimana yang disediakan untuk Hakim Mahkamah Tinggi atau sebagai gantinya suatu subsidi sewa rumah sebanyak RM2,000 sebulan.
5. ELAUN DAN KEISTIMEWAAN LAIN:
Elaun dan keistimewaan yang dinyatakan dalam perenggan (b)(ii), 3, 3A, 4, 5, 6, 6A, 7, 8, 10, 11, 12, 13 dan 15 Jadual Kedua."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Saraan Hakim 1971 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 5 Akta supaya apabila seseorang Hakim dikehendaki berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain demi kepentingan negara tempoh perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu boleh dihitug sebagai tempoh perkhidmatan sebagai seorang Hakim.

3. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 8c ke dalam Akta untuk member1 Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk menghendaki seseorang Hakim supaya berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain demi kepentingan negara.

4. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 12 Akta untuk membolehkan seseorang Hakim yang berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain menurut kuasa seksyen 8c yang dicadangkan itu menerima pencen dan ganjarannya di bawah subseksyen 12(3) Akta.

5. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 19A ke dalam Akta untuk mengadakan peruntukan bagi saraan Pesuruhjaya Kehakiman.

6. *Fasal 8* bertujuan memasukkan ke dalam Akta Jadual Kelima baru yang mengandungi perincian elaun dan keistimewaan yang dikehendaki dibayar atau diberikan kepada Pesuruhjaya Kehakiman.

7. Pindaan-pindaan lain adalah pindaan-pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN, (U²) 1794.]